BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid. 40 No. 2

S2

Suku Kedua 2025

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh BNM berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh BNM dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

03 Sorotan Penting

04 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

05 Perkembangan Ekonomi Malaysia

10 Perkembangan Monetari dan Kewangan

13 Pertimbangan Dasar

15 Tinjauan Makroekonomi

23 Rencana: Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

32 Tambahan

Sorotan Penting bagi S2 2025

KDNK meningkat sebanyak 4.4% (S1: 4.4%)

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan?

Pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi
Penggunaan Swasta: 5.3% (S1 2025: 5%)

Aktiviti pelaburan yang lebih kukuh
Pembentukan Modal Tetap Kasar: 12.1% (S1 2025: 9.7%)

Permintaan yang berterusan untuk eksport E&E dan aktiviti pelancongan
Eksport Barangan dan Perkhidmatan: 2.6% (S1 2025: 4.1%)

Pasaran pekerja terus bertambah baik

Kadar Pengangguran
3%
(S1 2025: 3.1%)

Gaji Nominal Sektor Swasta
3.4%
(S1 2025: 3.3%)

Inflasi keseluruhan menjadi sederhana kepada 1.3% (S1: 1.5%)

Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi inflasi?

Harga bahan api yang lebih rendah didorong oleh harga RON97 dan diesel yang lebih rendah
Inflasi bahan api: -0.6%
(S1 2025: 0.3%)

Inflasi makanan yang lebih rendah berikutan harga komoditi yang lebih sederhana
Inlfasi makanan dan minuman: 2.2%
(S1 2025: 2.5%)

Ringgit menambah nilai berbanding mata wang rakan perdagangan utama

NEER Ringgit
1.5%
(S1 2025: 0.01%)

MYR/USD
5.1%
(S1 2025: 0.8%)

Indeks Dolar AS
-6.9%
(S1 2025: -4.1%)

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global terus berdaya tahan pada S2 2025

KDNK ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Perdagangan serantau kekal kukuh

Eksport ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, % (dalam dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan

- **Pertumbuhan global kekal mampan pada S2 2025.** AS mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.0% pada suku kedua, dengan penggunaan swasta yang berterusan serta guna tenaga yang stabil. Pertumbuhan di China berkembang sebanyak 5.2% yang disokong oleh aktiviti perdagangan yang diawalkan *(front-loading)* dan penggunaan yang didorong dasar fiskal.

- **Perdagangan serantau keseluruhannya kekal berdaya tahan**, disokong terutamanya oleh eksport ke AS dan China apabila penangguhan tarif AS–China menyebabkan lebih banyak aktiviti perdagangan diawalkan dalam barangan pengguna dan bahan industri.

- **Inflasi keseluruhan menurun** di ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun berikutan harga yang lebih rendah bagi tenaga dan bukan tenaga seperti makanan serta logam dan mineral.

- **Harga minyak mentah Brent menurun** kepada USD67 setong pada S2 2025 (S1 2025: USD75 setong) disebabkan bekalan global yang bertambah akibat penamatan pengurangan pengeluaran sukarela daripada OPEC+ yang dipercepat. Keadaan ini lebih daripada mengimbangi kenaikan sementara premium risiko berikutan konflik Iran-Israel.

Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK meningkat sebanyak 4.4% pada S2 2025

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi meningkat sebanyak 2.1% pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S2 2025?

- Pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif
- Aktiviti pelaburan swasta dan awam yang kukuh
- Permintaan yang berterusan untuk eksport elektrik dan elektronik (*electrical and electronics,* E&E) serta aktiviti pelancongan yang mantap

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S2 2025?

- Pengeluaran minyak dan gas yang lebih rendah disebabkan oleh aktiviti penyelenggaraan berjadual

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri yang mantap

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta



5.3%
(S1 2025: 5%)

Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perbelanjaan isi rumah disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif

Pelaburan Swasta



11.8%
(S1 2025: 9.2%)

Pelaburan struktur yang berterusan serta perbelanjaan jentera dan kelengkapan yang lebih kukuh

Penggunaan Awam



6.4%
(S1 2025: 4.3%)

Perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi serta untuk bekalan dan perkhidmatan

Pelaburan Awam



13.6%
(S1 2025: 11.6%)

Perbelanjaan modal yang lebih kukuh oleh syarikat awam

Eksport Bersih



-72.6%
(S1 2025: 19.6%)

Eksport berkaitan perlombongan menurun dan import modal yang tinggi mengimbangi eksport E&E yang berterusan

Sumber: Jabatan Perangkaam Malaysia

Pengembangan berterusan dalam kebanyakan sektor

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan



5.1%
(S1 2025: 5%)

Sokongan mampan daripada perkhidmatan berkaitan pengguna dan perkhidmatan Kerajaan

Perkilangan



3.7%
(S1 2025: 4.1%)

Pertumbuhan yang stabil dalam perkilangan berorientasikan dalam negeri, terjejas disebabkan oleh gangguan dalam pengeluaran petroleum bertapis

Pertanian



2.1%
(S1 2025: 0.7%)

Pertumbuhan yang lebih kukuh dalam pengeluaran minyak sawit disebabkan oleh keadaan cuaca yang baik

Perlombongan



-5.2%
(S1 2025: -2.7%)

Pengeluaran minyak dan gas asli yang lebih rendah disebabkan oleh aktiviti penyelenggaraan berjadual

Pembinaan



12.1%
(S1 2025: 14.2%)

Pertumbuhan subsektor bukan kediaman, kediaman dan pertukangan khas yang terus kukuh

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja kekal positif

- Kadar pengangguran menurun lagi kepada 3% pada S2 2025 (S1 2025: 3.1% daripada tenaga kerja).
- Guna tenaga meningkat kepada 16.85 juta orang pada S2 2025 (S1 2025: 16.7 juta orang) berikutan permintaan yang berterusan terhadap pekerja.
- Bekalan tenaga kerja kekal menggalakkan apabila kadar penyertaan tenaga kerja meningkat selanjutnya kepada 70.8% pada S2 2025 (S1 2025: 70.7%).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran rendah

Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Upah nominal dan benar sektor swasta,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Upah nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend Inflasi

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal sederhana pada S2 2025

- Inflasi keseluruhan terus menjadi sederhana kepada 1.3%, manakala inflasi teras kekal stabil pada 1.8%.
- Harga yang lebih rendah dicatatkan pada S2 2025 untuk bahan api (RON97 dan diesel) serta barangan berkaitan makanan. Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh penurunan harga yang lebih perlahan bagi perkhidmatan komunikasi mudah alih.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %



Item Indeks Harga Pengguna (IHP) Terpilih

Item Bukan Teras		*Item Teras*	
Bahan Api (RON97 & Diesel) *(Wajaran: 5.7%[1])*	**Makanan Segar** *(Wajaran: 7.2%[2])*	**Makanan di Luar Rumah** *(Wajaran: 13.4%)*	**Perkhidmatan Komunikasi Mudah Alih** *(Wajaran: 2.7%)*
▼**-0.6%** S1 2025: 0.3%	▼**-0.8%** S1 2025: 0.2%	▼**4.4%** S1 2025: 4.7%	▲ **-12.1%** S1 2025: -13.5%

[1] Wajaran IHP untuk petrol merangkumi RON95 dan RON97.
[2] Barangan yang harganya tidak menentu terutamanya sayur-sayuran dan telur.
Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi kurang meluas pada suku kedua

- Bahagian item IHP yang mencatatkan kenaikan harga adalah lebih kecil pada suku kedua 2025 namun pada amnya kekal selaras dengan purata yang pernah dicatatkan sebelum ini.
- Rebakan inflasi yang lebih rendah sebahagian besarnya didorong oleh keadaan kos yang semakin reda, terutamanya harga komoditi global yang lebih rendah.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan,
Bahagian, %



Nota: Data mulai tahun 2025 mencerminkan tambahan item baharu dalam kumpulan IHP berdasarkan HIES 2022.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pertumbuhan eksport dan import berterusan

Eksport Kasar	**3.4%** S1 2025: 4.3%	Eksport E&E berterusan, namun terkesan oleh eksport perlombongan dan eksport bukan E&E yang lebih rendah
Import Kasar	**9%** S1 2025: 2.8%	Import modal yang kukuh, diimbangi sebahagiannya oleh import pengantaraan yang lebih perlahan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa dan aliran keluar akaun kewangan yang lebih rendah

Akaun Semasa
RM0.3 bilion; 0.1% daripada KDNK
(S1 2025: RM16.7 bilion; 3.4%)

Faktor pendorong utama
- Lebihan barangan yang lebih rendah berikutan eksport berkaitan perlombongan yang lebih rendah dan import modal yang lebih tinggi.
- Defisit pendapatan sekunder yang lebih besar.

Yang mengimbangi
- Defisit akaun pendapatan primer yang lebih kecil didorong oleh pelupusan aset di luar negara oleh MNC pemastautin.
- Defisit perkhidmatan yang lebih kecil didorong oleh peningkatan imbangan perjalanan.

Akaun Kewangan
Aliran keluar bersih RM2.2 bilion
(S1 2025: Aliran keluar RM20.3 bilion)

Faktor pendorong utama
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan portfolio yang disebabkan oleh pemerolehan sekuriti hutang domestik yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin.
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan langsung, disebabkan oleh pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung luar negeri (DIA) yang mencatatkan aliran masuk.

Yang sebahagiannya mengimbangi
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan lain disebabkan oleh deposit di luar negara oleh pelabur pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih tinggi

RM1.4 trilion atau 71.4% daripada KDNK
(S1 2025: RM1.38 trilion atau 70.5% daripada KDNK)
- Pemegangan sekuriti hutang domestik Kerajaan yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin.
- Terbitan bersih bon dan nota di luar negeri terutamanya oleh syarikat awam.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata wang	**Dalam denominasi ringgit: 32.2%** Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran wang asing. **Dalam denominasi mata wang asing: 67.8%** yang 59.9% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 18.7% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan.
Tempoh Matang	**Jangka sederhana dan panjang: 57.5%** Risiko pelanjutan terhad.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih	**RM63.1 bilion** (S1 2025: RM37.8 bilion)
Rizab Antarabangsa[1]	**USD121.3 bilion** (S1 2025: USD117.5 bilion)

- **4.7 bulan**[2] import barangan dan perkhidmatan
- **0.9 kali** hutang luar negeri jangka pendek

[1] Pada 31 Julai 2025.
[2] Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang diterbitkan pada 7 Ogos 2025, kerana data ini mencerminkan data terkini S2 2025 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan serta hutang luar negeri jangka pendek.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menambah nilai berbanding mata wang rakan dagangan utama

Penambahan nilai ringgit didorong oleh kelemahan dolar AS secara menyeluruh dan minat berterusan pelabur global terhadap aset domestik, yang disokong oleh prospek ekonomi negara yang berdaya tahan.

Prestasi ringgit berbanding mata wang utama dan serantau terpilih
% awal tahun sehingga kini dan suku tahun ke suku tahun



Nota: *Setakat 13 Ogos 2025.
NEER merujuk kadar pertukaran efektif nominal ringgit yang mengukur prestasi ringgit berbanding sekumpulan mata wang rakan dagangan utama Malaysia.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran kewangan domestik disokong oleh keadaan ekonomi dalam negeri yang menggalakkan meskipun menghadapi keadaan global yang tidak menentu

Kadar hasil bon menurun
disokong oleh aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran bon domestik

Kadar Hasil MGS 10 tahun -30 mata asas
(S1 2025: -5 mata asas)

Pasaran ekuiti meningkat
selaras dengan ekuiti global, susulan sentimen yang bertambah baik berikutan penangguhan sementara tarif selama 90 hari

KLCI 1.3% suku tahun ke suku tahun
(S1 2025: -7.8%)

Faktor utama yang mendorong pasaran global dan domestik

Peralihan dana keluar dari AS berikutan kebimbangan pelabur berhubung dengan prospek pertumbuhan AS, susulan perkembangan dasar fiskal dan dasar perdagangannya

Penghindaran risiko oleh pelabur global sebagai tindak balas pada ketidakpastian berhubung dengan rundingan perdagangan dan ketegangan geopolitik di Timur Tengah

Sumber: Bank Negara Malaysia, ETP dan Bursa Malaysia

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar antara bank menurun susulan jangkaan pasaran terhadap pengurangan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR)

Kadar faedah,
Pada akhir tempoh, %



- **KLIBOR 3 bulan menurun** kepada 3.50% pada suku kedua kerana jangkaan kadar OPR yang lebih rendah daripada bank-bank. Susulan pengurangan OPR pada 9 Julai 2025, kadar antara bank menurun selaras dengan OPR.
- **Kadar deposit tetap (*fixed deposit,* FD) runcit menurun sedikit** merentas tempoh matang dalam suku kedua, mencerminkan perubahan strategi pembiayaan bank-bank berikutan jangkaan pengurangan OPR.
- **Kadar pinjaman purata (*average lending rate,* ALR) bagi pinjaman terkumpul terus menurun** dalam suku kedua terutamanya bagi pinjaman perniagaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Tahap mudah tunai sistem perbankan terus menyokong pengantaraan kewangan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM,
Pada akhir tempoh, RM bilion



- Penurunan nisbah SRR daripada 2% kepada 1% menyokong pengurusan mudah tunai yang lebih berkesan oleh bank-bank, merentas pelbagai sumber mudah tunai. Susulan penurunan ini, bank-bank telah mengurangkan peminjaman daripada BNM.
- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan lebihan penempatan dana semalaman di BNM pada akhir bulan Jun 2025.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit secara amnya terus mampan berikutan pertumbuhan stabil dalam pinjaman terkumpul

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan,
Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]

5.2%
S1 2025: 5.4%

- Pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul[2] kekal mampan pada kadar 5.5% (S1 2025: 5.5%) berikutan pertumbuhan yang stabil dalam pinjaman perniagaan dan isi rumah.
- Bon korporat terkumpul berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.3% (S1 2025: 5.3%) susulan terbitan bon yang lebih rendah pada suku kedua.

Pinjaman Perniagaan

4.5%
S1 2025: 4.6%

- Pengembangan yang stabil dalam pinjaman perniagaan terkumpul pada 4.5% mencerminkan pertumbuhan yang secara amnya stabil dalam pinjaman untuk tujuan modal kerja dan tujuan berkaitan pelaburan.[3]
- Permintaan pembiayaan kekal mampan, khususnya untuk pinjaman berkaitan pelaburan, dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi merentas PKS dan bukan PKS.

Pinjaman Isi Rumah

6%
S1 2025: 6%

- Pertumbuhan pinjaman isi rumah adalah stabil pada 6% dengan pertumbuhan pinjaman yang mampan bagi kebanyakan tujuan pinjaman.
- Permohonan pinjaman isi rumah juga mencatatkan peningkatan, didorong terutamanya oleh permohonan untuk pinjaman perumahan.

[1] Semua angka yang disebut adalah dalam bentuk perubahan tahunan.
[2] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[3] Termasuk pinjaman untuk pembelian harta bukan kediaman dan harta kediaman untuk kegunaan perniagaan, aset tetap serta untuk aktiviti pembinaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertimbangan Dasar

Sorotan Mesyuarat MPC bulan Julai 2025

- Pada mesyuarat bulan Julai 2025, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% berikutan wujudnya risiko terhadap prospek pertumbuhan dalam negeri dalam keadaan harga yang stabil.
- MPC kekal memantau perkembangan semasa dengan teliti dan akan terus menilai imbangan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.

Pengurangan OPR merupakan langkah awalan untuk mengekalkan persekitaran pertumbuhan Malaysia yang stabil dalam keadaan prospek inflasi yang sederhana

Setelah mengekalkan OPR pada 3% dalam mesyuarat bulan Mei 2025, MPC memutuskan untuk mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% dalam mesyuarat MPC bulan Julai 2025 baru-baru ini. Pelarasan OPR ini merupakan langkah awalan untuk mengekalkan persekitaran pertumbuhan Malaysia yang stabil dalam keadaan ketidakpastian luaran, berlatarkan kestabilan harga dalam negeri.

Pada mesyuarat bulan Julai, penunjuk terkini menandakan pertumbuhan global yang berterusan, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan dan sedikit sebanyak menerusi aktiviti yang dilakukan lebih awal (*front-loading*). MPC menilai bahawa prospek pertumbuhan global dijangka terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, dasar monetari yang kurang ketat dan rangsangan fiskal. Prospek ini dipengaruhi oleh ketidakpastian berhubung dengan perkembangan tarif serta ketegangan geopolitik. Ketidakpastian ini juga boleh menyebabkan volatiliti yang lebih ketara dalam pasaran kewangan global dan harga komoditi.

Bagi Malaysia, perkembangan terkini setakat mesyuarat MPC Julai menunjukkan pertumbuhan berterusan dalam kegiatan ekonomi pada suku kedua, disokong oleh permintaan dalam negeri yang berterusan serta pertumbuhan eksport. Pada masa hadapan, pertumbuhan dijangka disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Pertumbuhan guna tenaga dan upah, khususnya dalam sektor berorientasikan dalam negeri, berserta langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan, akan menyokong perbelanjaan isi rumah. Pengembangan aktiviti pelaburan akan diteruskan oleh kemajuan projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan serta inisiatif pemangkin yang terus dilaksanakan di bawah beberapa pelan induk nasional. Hasil rundingan perdagangan yang menggalakkan, dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju, permintaan untuk barangan elektrik dan elektronik yang berterusan serta aktiviti pelancongan yang lebih giat boleh meningkatkan prospek eksport Malaysia. Walau bagaimanapun, MPC menilai imbangan risiko kepada prospek pertumbuhan cenderung untuk menjadi perlahan, berpunca terutamanya daripada perdagangan global yang lebih perlahan, sentimen yang lebih lemah serta pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan.

Pertimbangan Dasar

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata sebanyak 1.4% dan 1.9% pada lima bulan pertama tahun ini. Secara keseluruhan, inflasi pada tahun 2025 dijangka kekal sederhana berikutan keadaan kos global yang terkawal dan ketiadaan tekanan permintaan dalam negeri yang berlebihan. Tekanan inflasi daripada harga komoditi global dijangka kekal terhad, lantas menyumbang kepada keadaan kos dalam negeri yang sederhana. Dalam persekitaran ini, kesan keseluruhan langkah-langkah pembaharuan dasar dalam negeri yang telah dan akan diumumkan terhadap inflasi dijangka terkawal.

Prestasi ringgit akan terus didorong terutamanya oleh faktor luaran. Prospek ekonomi Malaysia dan pembaharuan struktur dalam negeri yang menggalakkan, berserta inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan aliran dana, akan terus memberikan sokongan yang berterusan kepada ringgit.

Walaupun MPC menilai bahawa ekonomi dalam negeri berada pada landasan yang kukuh, ketidakpastian berhubung dengan perkembangan luaran akan mempengaruhi prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia. Oleh itu, pengurangan OPR merupakan langkah awalan yang bertujuan mengekalkan persekitaran pertumbuhan Malaysia yang stabil dalam keadaan prospek inflasi yang sederhana. MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai imbangan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.

Tinjauan Ekonomi Global

Prospek pertumbuhan global yang sederhana susulan langkah tarif AS dan tindakan balas

Ekonomi global:

- Secara asasnya, pertumbuhan global akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif dan dasar monetari yang kurang ketat.
- Pengakhiran rundingan perdagangan akan membantu mengurangkan tahap ketidaktentuan mengenai tarif AS. Walau bagaimanapun, beberapa bentuk tarif masih tidak mencapai kepastian, terutamanya yang berkaitan dengan produk tertentu.
- Tarif dijangka lebih mempengaruhi pertumbuhan global pada separuh kedua tahun 2025 berikutan pindahan kos yang lebih tinggi oleh firma. Kesan tarif perdagangan dijangka akan diimbangi sebahagiannya oleh rangsangan fiskal yang dilaksanakan oleh beberapa ekonomi utama.

Perdagangan global:

- Pertumbuhan perdagangan global juga dijangka menurun pada separuh kedua tahun 2025, apabila berakhirnya penangguhan kenaikan tarif semasa dan kesan aktiviti yang diawalkan menjadi reda.
- Walau bagaimanapun, permintaan yang berterusan terhadap E&E dijangka terus memberikan sokongan kepada perdagangan global secara keseluruhan. Keadaan ini seiring dengan pendorong struktur lain seperti peningkatan penggunaan teknologi, pelaburan dalam inisiatif peralihan karbon rendah serta perdagangan intrarantau yang berterusan.

Risiko terhadap pertumbuhan berpunca terutamanya daripada prospek tarif yang lebih tinggi serta konflik geopolitik yang meruncing

- **Pertumbuhan berkemungkinan menjadi perlahan** berpunca daripada tarif yang lebih tinggi dan konflik geopolitik yang kian meruncing. Ketidaktentuan sedemikian juga boleh menyebabkan volatiliti yang lebih ketara dalam pasaran kewangan global.
- **Pertumbuhan berpotensi menjadi pesat** berpunca daripada keputusan yang memberangsangkan daripada rundingan perdagangan yang masih berlangsung serta dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju.

Tinjauan Ekonomi Dalam Negeri

Ekonomi Malaysia dijangka terus disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan

- Pertumbuhan dijangka didorong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Perbelanjaan isi rumah yang berterusan akan disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan upah berserta langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan.
- Aktiviti pelaburan akan terus disokong oleh kemajuan projek infrastruktur, pelaksanaan berterusan yang lebih tinggi bagi pelaburan swasta yang diluluskan serta pelaksanaan pelan induk nasional.
- Pertumbuhan eksport dijangka sederhana berikutan penguatkuasaan tarif dan ketidaktentuan global yang berlarutan. Walau bagaimanapun, kesan terhadap prospek eksport Malaysia dijangka dapat dikurangkan sebahagiannya oleh permintaan berterusan terhadap barangan elektrik dan elektronik serta kemasukan pelancong ke dalam negeri.
- Berikutan keadaan ini, pertumbuhan diunjurkan berada dalam julat 4%–4.8%[1] pada tahun 2025, lebih rendah daripada julat unjuran awal iaitu 4.5%–5.5%.

[1] Lihat Rencana bertajuk Unjuran Pertumbuhan yang Dikemas Kini: Daya Tahan Menghadapi Rintangan Global pada halaman 19.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan kekal tertakluk pada kemungkinan menjadi perlahan atau pesat

- **Pertumbuhan berkemungkinan menjadi perlahan** berpunca daripada perdagangan yang semakin lembap disebabkan oleh tarif yang lebih tinggi dan sentimen yang lebih lemah susulan ketidakpastian yang menjejaskan perbelanjaan dan pelaburan. Risiko lain yang boleh menjejaskan pertumbuhan termasuk pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan akibat gangguan dalam subsektor minyak dan gas.
- **Potensi pertumbuhan menjadi pesat** meliputi dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju, keputusan yang memberangsangkan daripada rundingan perdagangan yang masih berlangsung serta aktiviti pelancongan yang lebih giat.

Keadaan Permintaan Dalam Negeri

Perbelanjaan isi rumah disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta sokongan dasar yang lebih tinggi

Upah dan Guna Tenaga Sektor Swasta
Indeks, S4 2019=100



- Meskipun perkembangan luaran mungkin menjejaskan pendapatan isi rumah yang bekerja dalam sektor berorientasikan eksport, **penggunaan swasta dijangka terus berkembang**.
- Keadaan ini disokong oleh pemulihan upah yang stabil, selaras dengan pelaksanaan kenaikan gaji bagi penjawat awam, peningkatan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 serta sokongan daripada pertumbuhan pendapatan dalam sektor berorientasikan dalam negeri.
- Selain itu, pindahan wang tunai bersasar seperti Sumbangan Tunai Rahmah akan terus disediakan untuk menyokong isi rumah berpendapatan rendah.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan akan menyokong pertumbuhan pelaburan

Jumlah Kelulusan Pelaburan Mengikut Sektor oleh MIDA
RM bilion



- **Prospek pelaburan** akan terus mampan, disokong oleh hasrat pelaburan yang menggalakkan serta pelaksanaan berterusan projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam.
- Aktiviti pelaburan yang menggalakkan oleh pelabur domestik dan asing dicerminkan oleh kekukuhan hasrat pelaburan pada suku pertama 2025, terutamanya dalam sektor perkhidmatan (64.4% daripada jumlah kelulusan pelaburan).
- Pelaksanaan lanjut bagi projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2023 (Jun 2025: 89.9%) dan tahun 2024 (Jun 2025: 75.1%) yang berada pada pelbagai peringkat pelaksanaan juga dijangka menyokong pertumbuhan berterusan aktiviti pelaburan meskipun ketidaktentuan global semakin meningkat.

Sumber: Malaysian Investment Development Authority (MIDA)

Keadaan Permintaan Luaran

Pertumbuhan eksport dijangka sederhana, namun sektor E&E akan memberikan sedikit sokongan

Pertumbuhan eksport kasar
Perubahan tahunan, %



- **Prospek eksport menjadi lebih sederhana** disebabkan oleh tarif yang lebih tinggi dan aktiviti yang diawalkan telah berkurang.
- Eksport berkaitan perlombongan dijangka dipengaruhi oleh aktiviti penyelenggaraan dan harga yang lebih rendah.
- Eksport E&E dijangka menyokong pertumbuhan eksport, didorong terutamanya oleh permintaan berkaitan AI yang berterusan. Selain itu, peranan penting Malaysia dalam rantaian nilai global E&E menyokong prospek ini.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pelancongan yang terus berkembang dijangka menyokong eksport

Ketibaan mengikut kewarganegaraan
% daripada tahun 2019



- **Aktiviti pelancongan ke dalam negeri akan terus menyokong eksport pada tahun 2025**, didorong oleh peningkatan ketersambungan penerbangan, pengecualian visa serta aktiviti promosi menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.
- Ketibaan pelancong dari China dijangka kekal kukuh disebabkan oleh liberalisasi visa, beberapa MOU baru-baru ini berhubung dengan kerjasama pelancongan antara Malaysia dengan China, serta pengenalan laluan penerbangan terus yang baharu.
- Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko permintaan menurun berikutan pendapatan dan permintaan daripada pelancong yang lebih lemah akibat ketegangan perdagangan yang berterusan.

Sumber: Tourism Malaysia

Unjuran Pertumbuhan yang Dikemas Kini: Daya Tahan Menghadapi Rintangan Global

Pengenalan

Sejak pengumuman BNM berhubung dengan unjuran KDNK Malaysia bagi tahun 2025 dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024, landskap perdagangan global telah berubah dengan ketara. Pentadbiran Amerika Syarikat (AS) mengenakan kadar tarif yang lebih tinggi bagi kebanyakan negara dan produk terpilih. Ketidaktentuan dasar global diburukkan lagi oleh kepantasan dan kekerapan perubahan dasar, serta tindakan balas oleh beberapa negara. Kesannya, kadar tarif efektif (*effective tariff rate*, ETR) AS terhadap rakan perdagangan global melonjak kepada 19% setakat 31 Julai 2025 daripada 2% pada tahun 2024, paras yang tertinggi sejak tahun 1938 (Rajah 1). Perkembangan ini akan memberikan kesan terhadap pertumbuhan global, termasuk Malaysia sebagai negara yang menjalankan dagangan secara terbuka.

Oleh itu, unjuran pertumbuhan tahun 2025 untuk Malaysia disemak kepada 4%-4.8%, seperti yang diumumkan pada 28 Julai 2025, berbanding dengan 4.5%-5.5% dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024. Rencana ini menggariskan andaian utama di sebalik semakan unjuran ini, serta membincangkan kesan tarif yang lebih tinggi terhadap ekonomi Malaysia.

Rajah 1: ETR AS terhadap Dunia (%)



Sumber: US Bureau of Economic Analysis, Global Trade Atlas dan anggaran Bank Negara Malaysia

Peningkatan tarif yang ketara akan menjejaskan pertumbuhan global

BNM telah mengemas kini andaian pertumbuhan global bagi mencerminkan persekitaran kadar tarif yang lebih tinggi berbanding kadar tarif dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024. Andaian baharu mengambil kira pelbagai hasil tarif (Jadual 1). Sejak pengumuman unjuran pertumbuhan baharu oleh BNM pada 28 Julai 2025, lebih banyak rundingan perdagangan telah dimuktamadkan, termasuk pengurangan tarif terhadap Malaysia daripada 25% kepada 19%. Perkembangan ini berada dalam julat andaian yang digunakan oleh BNM.

Jadual 1: Andaian utama mengenai kesan tarif (Julai 2025)

Andaian	Hasil Tarif Rendah	Hasil Tarif Tinggi
ETR[1] AS Terhadap Dunia	13%	29%
Tarif Negara[2]	1. China: 30%[3] 2. Negara lain: Kadar tarif pada kadar penangguhan iaitu 10%	1. China: 50%[4] 2. Negara lain: Kadar tarif mengikut kadar pada 2 April (contohnya, TW: 32%) atau perjanjian perdagangan (contohnya, MY: 25%; VN: 20%)
Tarif Produk[2]	1. 50% atas keluli, aluminium dan tembaga 2. 25% atas kenderaan 3. 0% atas barangan yang dikecualikan pada masa ini	1. 50% atas keluli, aluminium dan tembaga 2. 25% atas kenderaan 3. 25% atas barangan yang dikecualikan pada masa ini

[1] Mengambil kira hasil duti kastam AS sebagai peratusan jumlah import AS.
[2] Tambahan tarif kepada kadar tarif pada tahun 2024.
[3] Dengan andaian tarif yang diumumkan semasa penangguhan tarif untuk 90 hari antara AS dengan China adalah kekal.
[4] Kadar tarif berwajaran masa, dengan andaian kadar tarif kembali kepada 54% selepas tempoh penangguhan tarif untuk 90 hari antara AS dengan China tamat pada 12 Ogos.

Unjuran Pertumbuhan yang Dikemas Kini: Daya Tahan Menghadapi Rintangan Global

Ketegangan perdagangan memberikan kesan terhadap Malaysia terutamanya melalui saluran perdagangan

Kadar tarif yang lebih tinggi memberikan kesan langsung kepada Malaysia melalui permintaan yang lebih rendah daripada AS terhadap eksport Malaysia, serta kesan tidak langsung melalui pertumbuhan dan perdagangan global yang lebih perlahan, khususnya di negara maju dan rakan dagangan utama.

Kesannya, aktiviti perdagangan mungkin menjadi sederhana, malah boleh mempengaruhi pendapatan syarikat dan isi rumah, terutamanya dalam sektor berorientasikan eksport. Sentimen pengguna dan perniagaan yang lebih lemah juga boleh mempengaruhi penggunaan dan pelaburan dalam negeri, lantas mewujudkan kesan berbalas (*feedback loop*) yang boleh menjejaskan permintaan dalam negeri (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1: Saluran transmisi kesan tarif kepada KDNK Malaysia



Permintaan barangan E&E, aktiviti pelancongan dan struktur eksport yang pelbagai akan menampungi sebahagian kesan tarif ke atas eksport

Data eksport terkini telah mula menunjukkan tanda-tanda menjadi sederhana (Rajah 2). Walau bagaimanapun, keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh permintaan yang berterusan terhadap produk E&E. Maklum balas daripada syarikat E&E menunjukkan tanda-tanda aliran pesanan yang stabil menjelang suku ketiga tahun 2025, didorong oleh minat yang berterusan dalam kecerdasan buatan (*artificial intelligence,* AI) dan permintaan berkaitan pusat data. Pasaran eksport Malaysia yang pelbagai juga memberikan penampan terhadap turun naik permintaan luaran.

Rajah 2: Eksport perkilangan Malaysia

Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti pelancongan terus menyokong perdagangan, didorong oleh ketibaan pelancong yang kukuh dari negara-negara ASEAN dan Asia Timur. Bagi tempoh Januari hingga Mei 2025, ketibaan pelancong mencatatkan peningkatan sebanyak 11% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024. Perkembangan ini telah menyumbang kepada momentum positif yang berterusan dalam sektor perkhidmatan.

Unjuran Pertumbuhan yang Dikemas Kini: Daya Tahan Menghadapi Rintangan Global

Permintaan dalam negeri kekal sebagai penyumbang utama terhadap prospek ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dapat mengurangkan kesan negatif tarif terhadap pertumbuhan Malaysia. Keadaan pasaran pekerja yang positif, terutamanya dalam sektor berorientasikan dalam negeri, akan menyokong penggunaan dalam negeri. Sementara itu, aktiviti pelaburan akan didorong oleh pelaksanaan berterusan projek infrastruktur, pelaburan swasta yang diluluskan serta pelaksanaan pelan induk nasional.

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4%–4.8% pada tahun 2025

Menggabungkan data ekonomi terkini dan andaian tarif yang lebih tinggi seperti yang digariskan dalam Jadual 1, unjuran pertumbuhan Malaysia dikemas kini kepada 4%–4.8%, lebih rendah daripada 4.5%–5.5% yang diumumkan dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024 (Rajah 3). Unjuran ini kekal relevan selepas hasil pengumuman tarif pada 31 Julai berada dalam julat andaian BNM (contohnya 19% bagi Malaysia).

Rajah 3: Pertumbuhan KDNK benar Malaysia

Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Risiko kekal bergantung pada perkembangan global dan dalam negeri

Memandangkan kebanyakan rundingan perdagangan telah dimuktamadkan, risiko pertumbuhan menjadi perlahan berikutan ketidaktentuan dasar global juga telah berkurang. Walau bagaimanapun, perdagangan yang lebih lembap disebabkan oleh tarif yang lebih tinggi, sentimen yang lebih lemah susulan ketidaktentuan global dan pengeluaran komoditi yang kurang daripada jangkaan boleh mengakibatkan pertumbuhan berada pada paras julat yang rendah.

Sebaliknya, hasil yang memberangsangkan daripada rundingan perdagangan yang masih berlangsung, dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju, dan aktiviti pelancongan yang lebih kukuh boleh menyokong pertumbuhan ke arah paras julat yang lebih tinggi.

Tindak balas dasar strategik adalah penting demi menjamin masa hadapan Malaysia yang berdaya tahan

Dalam persekitaran global yang semakin tidak menentu, tindak balas dasar Malaysia perlu mengutamakan pembangunan daya tahan di dalam negeri, di samping mengukuhkan hubungan melangkaui sempadan. Kerjasama serantau yang semakin erat dapat membantu mengurangkan kejutan luaran, manakala peningkatan kepelbagaian ekonomi, terutamanya dalam sektor bernilai tinggi dan mampan, akan mengurangkan kebergantungan pada pemacu pertumbuhan tradisional. Yang utama, amat penting bagi Malaysia untuk kekal berada pada landasan agenda pembaharuan ekonomi dan fiskal yang berterusan bagi mengukuhkan daya saing, membangunkan semula penampan serta merungkaikan pertumbuhan jangka panjang.

Tinjauan Inflasi

Inflasi pada ST2 2025 dijangka kekal sederhana

- Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal sederhana bagi baki tahun ini. Inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 1.5% hingga 2.3% pada tahun 2025 didorong oleh keadaan kos global yang terkawal dan ketiadaan tekanan permintaan yang berlebihan.
- Semakan menurun terhadap julat unjuran inflasi keseluruhan[1] sebahagian besarnya disebabkan oleh inflasi yang rendah pada separuh pertama tahun 2025 serta prospek permintaan dan kos yang lebih sederhana sejak penerbitan EMR pada bulan Mac 2025. Tambahan lagi, semakan ini mengambil kira maklumat terkini mengenai pelaksanaan pembaharuan dasar dalam negeri, khususnya usaha berterusan kerajaan untuk mengehadkan kesan terhadap majoriti rakyat Malaysia.
- Menjelang separuh kedua tahun 2025, risiko kenaikan inflasi berikutan pelarasan dasar dalam negeri, seperti peluasan SST baru-baru ini, akan diimbangi sebahagiannya oleh penurunan harga RON95 untuk pengguna tempatan dan penstrukturan semula tarif elektrik.
- Walaupun perkembangan luaran telah menyebabkan keadaan turun naik dalam bekalan global, tekanan inflasi daripada harga komoditi global dijangka kekal terhad, lantas menyumbang kepada keadaan kos dalam negeri yang sederhana.

[1] Semasa Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2024 yang diterbitkan pada Mac 2025, inflasi keseluruhan sebelum ini diunjurkan mencatatkan purata antara 2.0% hingga 3.5% bagi tahun 2025.

Prospek inflasi akan terus bergantung pada risiko daripada persekitaran luaran dan faktor dasar dalam negeri

- **Persekitaran luaran** kekal sebagai sumber utama ketidakpastian. Risiko terhadap prospek unjuran asas inflasi bergantung pada trajektori perkembangan global.
    - **Risiko kenaikan inflasi** mungkin timbul daripada kos luaran yang lebih tinggi berikutan ketidakpastian perdagangan dan ketegangan geopolitik.
    - **Risiko penurunan inflasi** mungkin berpunca daripada pertumbuhan global dan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan, lantas menyumbang kepada penurunan harga komoditi. Sehubungan dengan itu, potensi permintaan dalam negeri yang lebih lemah boleh mendorong kepada inflasi yang lebih sederhana.
- **Pada peringkat dalam negeri,** prospek inflasi kekal tertakluk pada kesan keseluruhan pembaharuan dasar. Kesan ini seterusnya bergantung pada jangka masa pelaksanaan, bentuk dasar yang dirangka dan kewujudan langkah-langkah mitigasi. Interaksi dengan perkembangan permintaan dan bekalan semasa juga boleh mempengaruhi tahap limpahan terhadap harga dalam negeri. Secara keseluruhan, kesan dasar dalam negeri yang telah diumumkan dan yang bakal dilaksanakan terhadap inflasi dijangka terkawal.

Rencana

Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

Ringkasan Eksekutif

- Memandangkan keadaan perdagangan global yang semakin tidak menentu, perdagangan perkhidmatan digital akan memainkan peranan penting untuk menyokong daya tahan luaran Malaysia.
- Meskipun asas digital kukuh, perdagangan perkhidmatan digital Malaysia terus mencatatkan defisit. Tanpa tindakan dasar yang bersasar, trend ini dijangka berlarutan atau bertambah teruk.
- Merungkai potensi sebenar Malaysia dalam ekonomi digital memerlukan dasar yang bersasar untuk mempertingkatkan infrastruktur fizikal (*hard infrastructure*) dan bukan fizikal (*soft infrastructure*).

Daripada Tidak Boleh Didagangkan kepada Boleh Didagangkan: Kemunculan Perdagangan Perkhidmatan Digital

Perdagangan global bukan sekadar melibatkan barangan fizikal. Perkhidmatan yang sebelum ini memerlukan penghantaran secara bersemuka kini diniagakan dengan lancar melalui platform digital merentas sempadan. Walaupun bukan baharu, peralihan ini semakin pantas, didorong oleh teknologi seperti pengkomputeran awan, perisian-sebagai-perkhidmatan (*software-as-a-services, SaaS*) dan kecerdasan buatan. Bagi Malaysia, detik ini amat penting. Ketika perdagangan barangan tradisional berhadapan dengan rintangan akibat dasar perlindungan perdagangan dan gangguan rantaian bekalan yang semakin meningkat, perdagangan perkhidmatan digital muncul sebagai sumber pertumbuhan dan daya saing global yang baharu. Rencana ini meneroka peningkatan perdagangan perkhidmatan digital pada peringkat global dan di Malaysia, peranannya dalam kemajuan ekonomi serta peluang dan cabaran dalam sektor ini. Rencana ini disimpulkan dengan cadangan dasar untuk merungkai potensi negara dalam bidang ini.

Landskap Perdagangan Perkhidmatan Digital pada Peringkat Dalam Negeri dan Global

Perdagangan perkhidmatan digital merupakan segmen perdagangan global yang sedang berkembang pesat. Walaupun negara-negara masih menghadapi cabaran untuk menggunakan pengukuran yang konsisten, panduan statistik oleh organisasi antarabangsa secara kolektif telah mentakrifkan perdagangan digital sebagai "semua perdagangan antarabangsa yang dipesan secara digital dan/atau dihantar secara digital".[1] Takrifan perdagangan perkhidmatan digital sebegini akan digunakan dalam artikel ini. Menurut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (Balance of Payments and International Investment Position Manual, BPM6),[2] perkhidmatan ini merangkumi lima kategori utama, iaitu teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communications technology*, ICT), perkhidmatan perniagaan dan profesional, caj penggunaan harta intelek *(intellectual property*, IP), kewangan dan insurans serta perkhidmatan peribadi, budaya dan rekreasi.

Secara global, perkhidmatan digital telah berkembang hampir dua kali ganda lebih pantas berbanding perdagangan barangan sejak tahun 2005 (Rajah 1). Menjelang tahun 2024, perkhidmatan digital mencakupi lebih 53% daripada eksport perkhidmatan global, iaitu meningkat daripada 41% pada tahun 2011. Meskipun eksport perkhidmatan digital diterajui oleh ekonomi maju,[3] beberapa negara di rantau Asia Tenggara telah mencapai kemajuan yang ketara (Rajah 2). Singapura menerajui rantau ini sebagai pengeksport perkhidmatan digital terbesar di ASEAN, disusuli oleh Filipina dan Thailand.

[1] Untuk maklumat lanjut, lihat *Handbook on Measuring Digital Trade, second edition* (2023), Pertubuhan Perdagangan Dunia (World Trade Organization, WTO), Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
[2] Sumber: IMF
[3] Tiga pengeksport utama perkhidmatan digital ialah Amerika Syarikat, United Kingdom dan Ireland.

Rencana

Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

Rajah 1: Eksport dunia bagi barangan, perkhidmatan digital dan perkhidmatan lain
Indeks (2005=100)



Nota: CAGR merujuk kadar pertumbuhan tahunan terkompaun dari 2005 hingga 2024. Perkhidmatan lain termasuk perkhidmatan perkilangan, penyelenggaraan dan pembaikan, pengangkutan, pelancongan dan pembinaan.
Sumber: WTO

Dari tahun 2005 hingga 2024, Malaysia mencatatkan peningkatan lebih tiga kali ganda dalam eksport perkhidmatan digital, didorong terutamanya oleh perkhidmatan perniagaan dan ICT. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini seiring dengan peningkatan import yang lebih mendadak, terutamanya dari segi caj IP, perkhidmatan perniagaan dan penyelesaian ICT.[4] Defisit perdagangan Malaysia bagi perkhidmatan digital yang berterusan dan semakin luas (Rajah 3) mencerminkan kebergantungan pada perkhidmatan digital asing yang semakin meningkat, terutamanya daripada syarikat teknologi yang dominan. Apabila syarikat dan pengguna dalam negeri terus mendigitalkan perniagaan dan gaya hidup masing-masing, permintaan dan pembayaran bagi perkhidmatan pengkomputeran awan, pengiklanan dalam talian, dan fi pelesenan untuk kandungan digital seperti muzik dan video di Malaysia turut meningkat. Kekurangan alternatif tempatan yang berdaya saing juga menyumbang kepada trend ini.

[4] Untuk maklumat lanjut mengenai imbangan akaun perkhidmatan Malaysia, sila rujuk rencana bertajuk "Pemacu Akaun Semasa Imbangan Pembayaran Malaysia Selepas COVID-19' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2024.

Rajah 2: Eksport serantau bagi perkhidmatan digital
USD bilion



Nota: SG = Singapura, PH = Filipina, TH = Thailand, MY = Malaysia, ID = Indonesia
Sumber: WTO

Rajah 3: Imbangan perdagangan Malaysia bagi perkhidmatan digital
USD bilion



* Defisit tersebut didorong terutamanya oleh import insurans pengangkutan, selaras dengan peningkatan import pengangkutan kargo berikutan aktiviti perdagangan barangan yang kukuh.
Nota: Perkhidmatan perniagaan lain merangkumi penyelidikan dan pembangunan (*research and development*, R&D), perkhidmatan perundingan profesional dan pengurusan serta perkhidmatan teknikal (seperti seni bina, kejuruteraan) dan perkhidmatan berkaitan perdagangan.
Sumber: WTO

Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

Ketidakseimbangan ini mencerminkan cabaran struktur yang lebih mendalam dalam ekonomi. Kebergantungan yang semakin meningkat pada penyelesaian digital yang dibangunkan dari luar negara menggariskan jurang yang ketara dalam keupayaan tempatan. Walaupun penggunaan digital semakin meningkat, kapasiti berorientasikan eksport masih terhad. Pengukuhan sektor ini penting bukan sahaja untuk mengecilkan deficit, tetapi juga untuk menyokong peralihan kepada kegiatan ekonomi bernilai tinggi. Kes ekonomi bagi perdagangan perkhidmatan digital dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

Mengubah Lebar Jalur ke arah KDNK: Kes Ekonomi bagi Perdagangan Perkhidmatan Digital

Perkhidmatan digital merupakan pendorong yang sangat penting untuk transformasi ekonomi. Bagi Malaysia, membina keupayaan yang kukuh dalam perdagangan perkhidmatan digital dapat merungkaikan nilai dalam negeri yang ketara, mempertingkatkan rantaian sektor, serta menggalakkan peningkatan produktiviti dan pertumbuhan pendapatan.

Pertama, berbanding dengan perkhidmatan tradisional, industri intensif digital cenderung berkembang lebih pantas dan menjana nilai tambah dalam negeri yang lebih tinggi. Oleh kerana ia dapat dilakukan dari jauh melalui platform digital, skala perkhidmatan ini boleh dipertingkatkan dan lebih bergantung pada modal intelek berbanding dengan input fizikal. Setelah dibangunkan, perkhidmatan ini boleh dipasarkan kepada pasaran global dengan kos sut (*marginal cost*) yang relatif rendah. Perkhidmatan digital menjana nilai tambah dalam negeri yang lebih tinggi. Hal ini bermakna setiap eksport menyumbang lebih banyak kepada ekonomi tempatan. Dapatan analisis Perdagangan dalam Nilai Tambah (Trade in Value Added, TiVA) menunjukkan bahawa kebanyakan perkhidmatan digital mengatasi perkhidmatan tradisional dari segi bahagian kandungan dalam negeri yang terdapat dalam permintaan asing (Rajah 4).

Rajah 4: Nilai tambah dalam negeri bagi permintaan akhir asing mengikut sektor
% bahagian daripada jumlah nilai tambah subsektor



Nota: Bagi setiap RM1 perkhidmatan perniagaan lain yang dieksport oleh Malaysia, RM0.68 input diperoleh daripada dalam negeri.
Sumber: TiVA OECD

Kedua, usaha memperluas perdagangan perkhidmatan digital boleh mengurangkan kitaran dalam perdagangan luar. Berbanding dengan perdagangan barangan atau barang niaga, perkhidmatan digital menunjukkan turun naik dan korelasi yang lebih rendah dengan pertumbuhan global (Rajah 5), kerana perkhidmatan digital kurang terdedah kepada gangguan logistik dan kurang sensitif terhadap kitaran kadar faedah.[5] Perdagangan perkhidmatan digital juga lebih berdaya tahan terhadap kemerosotan ekonomi berbanding dengan perdagangan barangan. Semasa pandemik COVID-19 dan krisis ekonomi sebelum ini, eksport perkhidmatan digital terus meningkat dengan stabil atau mengalami penguncupan yang lebih kecil (Rajah 5).

[5] Hal ini kerana perkhidmatan digital cenderung untuk meningkat melalui pengumpulan modal tak ketara (*intangible capital*) yang lebih didorong oleh pembiayaan ekuiti berbanding dengan pemberian pinjaman oleh bank (European Central Bank, 2021).

Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

Rajah 5: Pertumbuhan eksport barangan dan perkhidmatan dunia
Perubahan tahunan, %



Nota: Perkhidmatan lain merangkumi perkhidmatan perkilangan, penyelenggaraan dan pembaikan, pengangkutan, pelancongan dan pembinaan.
Sumber: WTO, IMF dan anggaran BNM

Ketiga, perkhidmatan digital menyumbang kepada limpahan ekonomi yang lebih meluas melalui rantaian hadapan dan rantaian belakang yang kukuh.[6] Perkhidmatan ini menyediakan input yang penting kepada sektor lain dan mewujudkan permintaan terhadap industri huluan, lantas menghasilkan kesan pengganda (*multiplier effect*) yang tinggi. Analisis input-output ekonomi Malaysia mendedahkan bahawa banyak industri intensif digital menunjukkan rantaian yang kukuh dalam ekonomi, seperti aktiviti wayang gambar, pemprograman dan penyiaran serta perkhidmatan kewangan lain (Rajah 6).

[6] Rantaian ke hadapan merupakan ukuran sejauh mana output sektor perkhidmatan digital digunakan sebagai input untuk industri lain. Rantaian ke belakang mencerminkan potensi peningkatan output yang dihasilkan dalam industri huluan sebagai tindak balas kepada peningkatan satu unit dalam output perkhidmatan digital.

Rajah 6: Rantaian hadapan dan belakang (*forward and backward linkages*) mengikut industri



Nota: Sesebuah industri dikategorikan sebagai berorientasikan rantaian hadapan (*forward-oriented*) atau rantaian belakang (*backward-oriented*) jika rantaiannya lebih daripada satu, menunjukkan rantaian yang lebih tinggi daripada purata berbanding industri lain.
Sumber: Input-Output Tables 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

Akhir sekali, pengukuhan perdagangan perkhidmatan digital dapat membantu menangani salah satu cabaran struktur yang berpanjangan di Malaysia, iaitu pertumbuhan produktiviti yang lemah. Meskipun sektor perkhidmatan mencakupi lebih 60% daripada pekerjaan, banyak pekerjaan dalam sektor ini kekal tertumpu pada segmen produktiviti rendah yang mempengaruhi produktiviti keseluruhan serta pertumbuhan pendapatan (Rajah 7 dan 8). Hal ini mencerminkan *Baumol's Cost Disease*, iaitu apabila sektor intensif pekerja seperti perkhidmatan sering mencatatkan pertumbuhan produktiviti yang lebih perlahan. Hal ini kerana sektor perkhidmatan lazimnya sangat bergantung pada interaksi manusia, lantas mengehadkan skop untuk menggunakan teknologi yang dapat meningkatkan produktiviti berbanding dengan sektor perkilangan. Produktiviti yang rendah dalam sektor perkhidmatan seterusnya mempengaruhi produktiviti keseluruhan dalam ekonomi. Dalam hal ini, perkhidmatan digital dapat meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan pendapatan kerana cirinya yang intensif digital dan ilmu pengetahuan membolehkan syarikat meningkatkan skala perniagaan serta terlibat dalam perdagangan rentas sempadan. Dinamik sedemikian dicerminkan melalui tahap pendapatan yang lebih tinggi dan pertumbuhan dalam subsektor industri ICT, yang disokong melalui tahap produktiviti masing-masing (Rajah 8a dan 8b).

Rajah 7: Nilai tambah benar bagi setiap pekerja, guna tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 8a: Gaji dan upah bulanan median



Rajah 8b: Nilai tambah tahunan bagi setiap guna tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rencana

Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

Menyingkap Kekuatan dan Mengenal Pasti Jurang

Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk memajukan industri perkhidmatan digitalnya, dengan infrastruktur ICT yang mantap, dasar kerajaan yang menyokong, industri teknologi yang memberangsangkan dan bekalan tenaga mahir yang berdaya saing (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1: Asas dan pendorong perkhidmatan digital Malaysia

Infrastruktur ICT yang mantap	Inisiatif kerajaan	Industri teknologi baru muncul	Tenaga mahir berdaya saing
31 pusat data yang beroperasi **>20** pusat kemasukan data **80.6%** syarikat yang menggunakan Internet (nisbah penembusan Internet)	**>30** pelan nasional berkaitan digital dilancarkan sejak dekad yang lalu, termasuk: 1. Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia 2. Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan 3. Jalinan Digital Negara (JENDELA)	**>5000** syarikat diberikan status 'Malaysia Digital' setakat S1 2024 **No. 1** Dalam Indeks Global Islamic Fintech (GIFT) sejak dilancarkan pada tahun 2021	**No. 8** di dunia dalam Indeks Global Talent Competitiveness 2023 untuk tenaga mahir yang mempunyai kemahiran digital **No. 4** di dunia dalam IMD World Digital Competitiveness Ranking 2023 untuk Wanita yang mempunyai ijazah

Sumber: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Bank Dunia, International Institute for Management Development (IMD), Dinar Standard dan berita semasa

Walau bagaimanapun, beberapa cabaran perlu diatasi untuk memanfaatkan sektor ini sepenuhnya sebagai sumber pertumbuhan yang mampan (Gambar Rajah 2).

Gambar Rajah 2: Jurang dalam ekosistem perkhidmatan digital Malaysia

1	**Terlalu bergantung pada R&D asing**	• *Bidang keutamaan penyelidikan bawah R&D dan pembangunan IP tidak selaras dengan keperluan industri* • *Perbelanjaan R&D Malaysia yang rendah dan semakin berkurang sebagai % daripada KDNK (~1%)* *Inisiatif yang sedang dilaksanakan: Pelan Hala Tuju Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi Negara (RDICE) untuk menambah baik ekosistem R&D*
2	**Ekosistem bagi syarikat permulaan kurang memberangsangkan**	• *Kekurangan dana swasta, terutamanya pada peringkat akhir untuk pengkomersialan* • *Agensi kerajaan yang berpecah-pecah, dengan sokongan terhad untuk mencapai akses kepada pasaran yang lebih besar* *Inisiatif yang sedang dilaksanakan: Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia 2021-2030, Pelan Tindakan KL20*
3	**Langkah yang terhad untuk meningkatkan rantaian hadapan pusat data**	• *Inisiatif semasa lebih tertumpu pada rantaian belakang, tetapi langkah untuk menggalakkan rantaian hadapan adalah terhad* • *Apabila pusat data mula beroperasi dan memacu pendigitalan syarikat, kekurangan pembekal dalam negeri boleh menyebabkan import perkhidmatan digital yang lebih tinggi* *Inisiatif yang sedang dilaksanakan: Pasukan Petugas Pusat Data*
4	**Kekurangan tenaga mahir**	• *Permintaan mengatasi bekalan, dengan gaji yang lebih tinggi di Singapura menarik minat tenaga mahir yang sedia ada untuk bekerja di sana* • *Kebergantungan yang tinggi pada pakar luar negara berbanding tenaga mahir tempatan untuk perkhidmatan berkemahiran tinggi (cth. pengkomputeran awan)* *Inisiatif yang sedang dilaksanakan: MDEC Tech Talent Initiatives*

Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

- **Kebergantungan yang berlebihan pada R&D asing:** Malaysia sangat bergantung pada teknologi dan kepakaran luar negara. Perbelanjaan R&D yang rendah di dalam negeri juga mengehadkan inovasi tempatan. Perbelanjaan R&D Malaysia sebagai bahagian daripada KDNK hanya sekitar 1%, lebih rendah berbanding rakan serantau seperti Singapura (2.2%), Jepun (3.4%) dan Korea Selatan (5.2%). [7]

- **Ekosistem bagi syarikat permulaan kurang membangun:** Walaupun inisiatif kerajaan telah memberikan sedikit sokongan, ketiadaan penglibatan besar daripada sektor swasta menghalang pembangunan ekosistem keusahawanan yang berdaya saing. Isu ini bertambah rumit berikutan ekosistem inovasi yang lemah, apabila hasil penyelidikan sering tidak selari dengan keperluan pasaran, lantas menjejaskan pengkomersialan idea dan teknologi tempatan. Akhirnya, ekosistem syarikat permulaan tempatan kekurangan pembiayaan awam dan swasta (contohnya modal teroka dan pelabur pemangkin (*angel investors*)).

- **Kekurangan tenaga mahir**: Meskipun melahirkan banyak profesional berkemahiran digital, Malaysia terus berhadapan dengan kekurangan tenaga mahir yang berpengalaman. Jurang ini sebahagiannya disebabkan oleh kedudukan Malaysia yang berdekatan dengan Singapura, yang menawarkan gaji jauh lebih tinggi bagi peranan serupa, lantas menarik minat tenaga mahir untuk bekerja di sana.

- **Langkah-langkah yang terhad untuk merangsang rantaian hadapan pusat data:** Memiliki pusat data sahaja tidak mencukupi. Malaysia perlu membangunkan perkhidmatan digital hiliran yang kukuh bagi memanfaatkan sepenuhnya nilai ekonomi digital. Usaha perlu ditumpukan pada pengukuhan hubungan antara pusat data dengan perkhidmatan hiliran dalam negeri, serta menggalakkan penawaran perkhidmatan digital tempatan, yang kebanyakannya boleh didagangkan (Gambar Rajah 3). Tanpa strategi yang kohesif, nilai pelaburan pusat data kepada ekonomi yang lebih meluas hanya akan berakhir dengan rangsangan permintaan huluan dalam sektor pembinaan dan tenaga. Lebih buruk lagi, sebaik sahaja pusat data ini beroperasi, kekurangan penyedia tempatan mungkin meningkatkan kebergantungan pada import perkhidmatan digital.

[7] Sumber: Bank Dunia dan data berdasarkan tahun terkini yang tersedia

Gambar Rajah 3: Ilustrasi rantaian nilai perkhidmatan digital pusat data



Nota: Sektor yang disenaraikan bukanlah menyeluruh. Kedudukan dalam rantaian nilai (iaitu bahagian hadapan dan bahagian belakang) tidak mencerminkan tahap sebenar nilai tambah oleh sesuatu sektor.
Sumber: Disesuaikan daripada MDEC, *Copenhagen Economics 'Finland's Economic Opportunities from Data Centre Investment'*, *Shimona Shodipo 'The Digital Value Chain: Risk and Unintended Consequences'*, dan *Tech UK 'Data Centre: Engines of Growth'*.

Rencana

Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

Rencana Pendek: Peralihan Perdagangan Perkhidmatan Digital Singapura

Antara tahun 2005 hingga 2013, Singapura mencatatkan defisit perkhidmatan digital yang semakin meningkat (Rajah 10). Walau bagaimanapun, trend ini menjadi sebaliknya selepas tahun 2013, dipacu oleh pembangunan ekosistem digital yang kukuh serta pelaksanaan langkah-langkah dasar yang bersasar dengan berkesan. Faktor utama di sebalik imbangan perdagangan digital Singapura yang bertambah baik termasuk:

- **Peningkatan eksport IP:** Pada tahun 2013, Singapura memperkenalkan Intellectual Property Hub Master Plan yang menumpukan pada pembinaan ekosistem IP yang kukuh melalui pembangunan pasaran IP yang memberangsangkan, peningkatan akses kepada pembiayaan IP serta pengukuhan rangka kerja undang-undang. Pelan ini memainkan peranan penting dalam menarik aktiviti mendapatkan paten, memupuk inovasi bernilai tinggi, dan menggerakkan pengkomersialan harta intelek, sekali gus menyumbang pada pertumbuhan kukuh eksport IP serta pengurangan import IP, dan seterusnya mengecilkan defisit caj IP dengan ketara. Bilangan tanda dagangan yang berkuat kuasa di Singapura meningkat daripada 273,519 pada tahun 2013 kepada 395,899 pada tahun 2023.[8]
- **Lebihan perkhidmatan kewangan semakin meningkat:** Singapura mengukuhkan kedudukannya dalam perkhidmatan kewangan dan insurans, khususnya dalam perbankan digital dan penerapan fintech. Bilangan institusi kewangan berlesen di negara itu meningkat hampir tiga kali, daripada 896 pada tahun 2013 kepada 2,565 pada tahun 2024.[9]

Pada tahun 2018, defisit berbilang tahun Singapura dalam perdagangan perkhidmatan digital bertukar menjadi lebihan. Perubahan ini menyerlahkan kepentingan rangka kerja digital yang kukuh serta dasar yang bersasar dalam usaha memperkukuh ekonomi digital sesebuah negara secara keseluruhan.

Rajah 10: Imbangan dagangan Singapura bagi perkhidmatan digital
USD bilion



Sumber: WTO

[8] Sumber: World Intellectual Property Organization (WIPO)
[9] Sumber: Monetary Authority of Singapore

Rencana

Perdagangan Perkhidmatan Digital di Malaysia: Peluang dan Keutamaan Dasar

Menentukan Hala Tuju Masa Depan Perdagangan Perkhidmatan Digital Malaysia

Bagi merapatkan jurang dalam prestasi perdagangan perkhidmatan digital, intervensi dasar perlu bertumpu pada tiga bidang yang saling memperkukuh: membangunkan tenaga kerja berkemahiran, mempertingkatkan infrastruktur, dan memperkukuh persekitaran perniagaan. Keutamaan penting merangkumi usaha menyasarkan industri bernilai tinggi dengan tempoh respons yang singkat (*low-latency*), pengukuhan ekosistem syarikat pemula serta harta intelek negara, dan pembinaan tenaga mahir digital. Strategi ini bertujuan untuk menyokong bidang dengan jurang struktur dalam ekosistem digital yang lebih ketara. Sebaliknya, sektor kewangan dan insurans yang kebanyakannya didorong oleh aktiviti perdagangan barangan, tidak terangkum dalam skop perbincangan ini.

Jadual 1: Bidang dasar dan strategi umum

Bidang dasar	Motivasi	Strategi umum
Menyasarkan industri yang mempunyai nilai yang tinggi dan tempoh respons yang singkat (*low-latency*)	Memaksimumkan limpahan positif (rantaian hadapan) daripada pusat data.	Memanfaatkan pusat data untuk membangunkan industri hiliran tempatan bernilai tinggi (seperti animasi, permainan digital, penyedia perkhidmatan awan, keselamatan siber).
Memperkukuh ekosistem syarikat permulaan dan IP	Mengurangkan tekanan import daripada R&D dan IP.	Meningkatkan akses kepada pembiayaan IP dan memperkukuh mahkamah IP untuk melindungi inovasi serta menggalakkan pelaburan R&D.
Membina tenaga mahir digital	Menangani kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor digital.	Memperkukuh program visa dan kepulangan pakar, meluaskan usaha peningkatan kemahiran digital serta menyelaraskan kurikulum TVET dan universiti dengan keperluan industri.

Kesimpulan

Meskipun mempunyai asas yang kukuh, Malaysia terus mencatatkan defisit dalam perdagangan perkhidmatan digital. Tanpa intervensi dasar yang berkesan, trend ini mungkin berterusan atau semakin meruncing. Pada masa hadapan, perdagangan perkhidmatan digital dijangka menjadi semakin penting dalam menyokong daya tahan luaran berikutan ketegangan geoekonomi dan ketidakpastian yang semakin ketara dalam perdagangan global. Potensi sebenar Malaysia dalam ekonomi digital terletak pada perkhidmatan digital. Ini memerlukan intervensi dasar bagi memperkukuh infrastruktur fizikal dan bukan fizikal.

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2025). Pemacu Akaun Semasa Imbangan Pembayaran Malaysia Selepas COVID-19

Jabatan Perangkaan Malaysia (2024). Ekonomi Digital Malaysia 2024

European Central Bank (2021). Digitalisation: channels, impacts and implications for monetary policy in the euro area

OECD (2023). Handbook on Measuring Digital Trade

Wong, P. K. (2022). Global Innovation Hotspots: Singapore's innovation and entrepreneurship ecosystem. Geneva: World Intellectual Property Organization

Jadual 1: KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2024 (%)	2024					2025	
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
		Perubahan Tahunan, %						
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	95.2	6.1	6.5	7.1	6.4	6.5	6.0	7.0
Sektor swasta	77.2	5.7	7.1	6.9	6.6	6.6	5.9	6.8
Penggunaan	60.7	4.7	5.7	4.7	5.3	5.1	5.0	5.3
Pelaburan	16.5	9.2	12.0	15.6	12.7	12.3	9.2	11.8
Sektor Awam	18.0	8.4	3.4	8.0	5.8	6.3	6.2	8.1
Penggunaan	13.2	7.3	1.8	6.0	4.0	4.7	4.3	6.4
Pelaburan	4.8	11.5	9.1	14.4	10.0	11.1	11.6	13.6
Eksport Bersih	4.2	-8.3	0.3	-5.3	63.6	9.2	19.6	-72.6
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	68.1	4.2	8.5	11.7	8.7	8.3	4.1	2.6
Import Barangan dan Perkhidmatan	63.9	5.2	9.0	13.0	5.9	8.2	3.1	6.6
KDNK Benar, perubahan tahunan **%**	**100.0**	**4.2**	**5.9**	**5.4**	**4.9**	**5.1**	**4.4**	**4.4**
KDNK, perubahan suku tahunan, terlaras secara bermusim %	**-**	1.6	2.1	1.6	-0.2	**-**	0.7	2.1

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2024 (%)	2024					2025	
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
		Perubahan Tahunan, %						
Perkhidmatan	59.4	4.8	5.9	5.2	5.5	5.3	5.0	5.1
Perkilangan	23.1	2.1	4.7	5.6	4.2	4.2	4.1	3.7
Pertanian	6.3	1.9	7.6	3.6	-0.7	3.1	0.7	2.1
Perlombongan	6.0	4.3	2.7	-2.8	-0.7	0.9	-2.7	-5.2
Pembinaan	4.0	11.9	17.2	20.0	20.7	17.5	14.2	12.1
KDNK Benar, perubahan tahunan	**100.0**	**4.2**	**5.9**	**5.4**	**4.9**	**5.1**	**4.4**	**4.4**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: **Imbangan Pembayaran**[1]

	2024[d]					2025[a]	
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
	RM billion						
Akaun semasa	**8.7**	**4.3**	**1.8**	**12.9**	**27.7**	**16.7**	**0.3**
% daripada KDNK	*1.9*	*0.9*	*0.4*	*2.6*	*1.4*	*3.4*	*0.1*
Barangan	31.1	24.0	22.4	36.9	114.5	38.5	17.0
Perkhidmatan	-6.1	-3.7	-0.8	-1.0	-11.7	-3.4	-3.3
Pendapatan primer	-16.7	-14.8	-17.4	-17.1	-66.1	-17.1	-8.9
Pendapatan sekunder	0.5	-1.2	-2.4	-5.9	-9.0	-1.2	-4.6
Akaun Kewangan	**-19.1**	**26.6**	**-3.1**	**-9.3**	**-4.9**	**-20.3**	**-2.2**
Pelaburan langsung	-5.5	10.5	-0.7	13.5	17.7	12.1	2.2
Aset	-24.1	-8.1	-15.2	-16.2	-63.8	-14.8	-4.9
Liabiliti	18.6	18.6	14.5	29.7	81.4	26.9	7.1
Pelaburan portfolio	-23.8	-21.7	3.4	-42.0	-84.1	-48.3	16.4
Aset	-21.3	-29.0	-31.4	-25.7	-107.3	-34.4	-22.6
Liabiliti	-2.5	7.3	34.7	-16.3	23.2	-13.9	39.0
Derivatif kewangan	1.1	-0.6	-0.4	2.7	2.8	-1.7	1.3
Pelaburan lain	9.1	38.4	-5.3	16.5	58.7	17.6	-22.1
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	**19.1**	**-32.3**	**3.7**	**2.5**	**-7.0**	**6.6**	**2.9**
Imbangan keseluruhan	**8.7**	**-1.4**	**2.4**	**6.1**	**15.8**	**3.0**	**1.0**

[d] Disemak
[a] Awalan
Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula rizab. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4: **Hutang Luar Negeri Terkumpul**

	2024[d]	2025[a]	
	Akhir Jun	Akhir Mac	Akhir Jun
	RM bilion		
Jumlah Hutang Luar Negeri	**1,347.5**	**1,375.3**	**1,403.3**
Bersamaan USD bilion	*285.5*	*310.3*	*331.8*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	173.0	154.0	163.8
Peminjaman antara bank	234.9	249.3	243.9
Pinjaman antara syarikat berkaitan	210.3	234.7	231.4
Pinjaman	94.3	93.2	98.0
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	269.7	276.8	296.1
Deposit bukan pemastautin	146.3	150.3	145.2
Peruntukan Hak Pengeluar Khas (SDR) IMF	30.0	28.4	28.0
Lain-lain	189.1	188.6	196.9
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	770.5	776.2	806.8
Jangka pendek	577.1	599.0	596.4
Denominasi mata wang			
Ringgit	418.6	424.1	451.4
Asing	928.9	951.2	951.9
Jumlah hutang/KDNK, %	**71.7**	**70.5**	**71.4**
Hutang jangka pendek/Jumlah hutang, %	**42.8**	**43.6**	**42.5**
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek, kali	**0.9**	**0.9**	**0.9**

[d] Disemak
[a] Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	2024	2025		2024	2025	
	S2	S1	S2	S2	S1	S2
	Akhir tempoh, RM bilion			Perubahan Tahunan, %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]	**2,795.0**	**2,915.3**	**2,941.4**	**5.6**	**5.4**	**5.2**
Bon korporat terkumpul[2]	580.9	603.2	606.0	3.4	5.3	4.3
Pinjaman terkumpul[3,4]	2,214.1	2,312.1	2,335.4	6.1	5.5	5.5
Perniagaan	793.2	824.7	828.8	6.0	4.6	4.5
PKS	403.5	423.4	431.4	9.8	7.2	6.9
Bukan PKS	385.8	398.2	394.6	2.3	2.3	2.3
Isi rumah	1,420.9	1,487.4	1,506.6	6.2	6.0	6.0
Kredit kepada perniagaan[5]	1,374.0	1,427.9	1,434.8	4.9	4.9	4.4

1 Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.
2 Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.
3 Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
4 Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursa.
5 Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: Penunjuk Pinjaman[1]

	2024		2025			2025		
	S2	S1	S1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Dalam tempoh, RM bilion					Perubahan tahunan, %		
Jumlah Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]								
Permohonan pinjaman	386.4	744.6	383.9	416.3	800.1	7.2	7.7	7.5
Kelulusan pinjaman	201.2	375.7	192.0	212.6	404.7	10.0	5.7	7.7
Pengeluaran pinjaman	537.3	1079.8	551.7	538.1	1090.0	1.7	0.2	0.9
Bayaran balik pinjaman	533.0	1069.0	540.0	516.3	1056.3	0.7	-3.1	-1.2
Antaranya:								
Perniagaan[3]								
Permohonan pinjaman	148.5	284.6	153.4	173.3	326.7	12.7	16.7	14.8
Kelulusan pinjaman	93.2	171.3	87.7	102.5	190.2	12.3	9.9	11.0
Pengeluaran pinjaman	403.9	807.7	407.2	401.7	808.9	0.8	-0.5	0.1
Bayaran balik pinjaman	401.0	800.6	397.2	382.5	779.7	-0.6	-4.6	-2.6
PKS								
Permohonan pinjaman	86.8	167.6	86.2	93.6	179.8	6.8	7.8	7.3
Kelulusan pinjaman	47.6	87.5	38.7	45.8	84.6	-3.1	-3.7	-3.4
Pengeluaran pinjaman	144.0	281.4	150.8	144.7	295.5	9.8	0.5	5.0
Bayaran balik pinjaman	138.7	271.7	142.6	136.4	278.7	7.2	-1.7	2.7
Bukan PKS								
Permohonan pinjaman	61.7	117.1	67.2	79.6	146.8	21.2	29.2	25.4
Kelulusan pinjaman	45.7	83.6	49.0	56.7	105.6	29.1	24.1	26.4
Pengeluaran pinjaman	258.2	522.6	254.8	255.3	510.8	-3.6	-0.9	-2.2
Bayaran balik pinjaman	260.8	526.2	253.7	244.9	498.6	-4.4	-6.1	-5.2
Isi Rumah								
Permohonan pinjaman	237.9	459.9	230.4	243.0	473.4	3.8	2.1	2.9
Kelulusan pinjaman	108.0	204.3	104.3	110.2	214.5	8.2	2.1	5.0
Pengeluaran pinjaman	133.4	272.1	144.5	136.6	281.1	4.2	2.4	3.3
Bayaran balik pinjaman	132.0	268.4	142.8	133.8	276.6	4.7	1.3	3.1

1 Pinjaman bagi semua segmen termasuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
2 Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
3 Angka-angka pinjaman bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi angka pinjaman perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut dimasukkan dalam pengiraan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan**

	2024	2025		2024	2025	
	S2	S1	S2[a]	S2	S1	S2[a]
	%			Perubahan tahunan, mata peratusan		
Pulangan atas ekuiti[1] (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	12.1	13.9	13.8	0.5	3.0	1.7
Pulangan atas ekuiti[1] (berasaskan keuntungan selepas cukai)	9.2	11.0	10.8	0.4	2.8	1.6
Pulangan atas aset[1] (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	1.3	1.5	1.5	0.07	0.34	0.20
	RM juta			Perubahan tahunan, %		
Pendapatan faedah bersih	15,518	15,938	16,324	6.5	5.0	5.2
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,402	3,365	3,460	13.1	1.6	1.7
Tolak: Kos operasi[2]	11,051	11,444	11,894	2.6	3.5	7.6
Keuntungan operasi kasar	7,870	7,859	7,890	15.6	5.7	0.3
Tolak: Peruntukan jelas nilai[3] dan lain-lain	464	426	1,380	-44.5	-56.6	197.3
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	7,405	7,433	6,510	24.1	15.2	-12.1
Campur: Pendapatan lain[1]	5,709	6,825	7,768	13.3	60.6	36.1
Untung sebelum cukai[1]	**13,114**	**14,258**	**14,278**	**19.1**	**33.2**	**8.9**
Untung selepas cukai[1]	**10,107**	**11,211**	**11,131**	**19.7**	**40.1**	**10.1**

[a] Awalan
[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% hingga 10.7%.
[2] Merujuk kos kakitangan dan overhed.
[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: **Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful**

	2024	2025		2024	2025	
	S2	S1	S2[a]	S2	S1	S2[a]
	RM juta			Perubahan tahunan, %[2]		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	2,951	1,392	3,367	185.3	-74.3	14.1
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	850	787	1,075	-4.2	-10.0	26.5
Nisbah tuntutan (%)	60	59	57	2.3	3.0	-2.5

[a] Awalan
[1] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keberuntungan penanggung insurans dan pengendali takaful dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[2] Merujuk mata peratusan bagi perubahan tahunan nisbah tuntutan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9: Kewangan Kerajaan Persekutuan[1]

	2024		2025[a]		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	69.1	139.1	72.1	75.5	147.6
Perubahan tahunan (%)	*-4.3*	*-6.3*	*3.1*	*9.2*	*6.1*
Perbelanjaan mengurus	79.4	157.1	76.5	78.9	155.3
Perubahan tahunan (%)	*2.9*	*9.2*	*-1.5*	*-0.7*	*-1.1*
Imbangan semasa	**-10.3**	**-18.0**	**-4.3**	**-3.4**	**-7.7**
Perbelanjaan Pembangunan bersih	14.9	33.5	17.6	15.2	32.7
Perubahan tahunan (%)	*-17.1*	*-24.4*	*-6.0*	*2.1*	*-2.4*
Imbangan keseluruhan	**-25.2**	**-51.6**	**-21.9**	**-18.6**	**-40.5**
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	94.3	190.6	94.0	94.0	188.1
Perubahan tahunan (%)	*-0.9*	*1.3*	*-2.4*	*-0.3*	*-1.3*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	1,227.5	1,227.5	1,277.3	1,304.2	1,304.2
Hutang dalam negeri	946.2	946.2	993.7	1,007.3	1,007.3
Hutang luar negeri	281.3	281.3	283.7	296.8	296.8
Pemegangan hutang dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*256.8*	*256.8*	*260.3*	*278.4*	*278.4*
Peminjaman luar pesisir	*24.5*	*24.5*	*23.4*	*18.4*	*18.4*

[a] Awalan
[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia